



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



SEMESTER 2 2019/2020

PPK 201- PENGESANAN, DIAGNOSIS DAN PENILAIAN KANAK-KANAK KHAS

TUGASAN ESEI PENILAIAN

TAJUK :

PENILAIAN DARIPADA ASPEK PENGAMATAN KANAK-KANAK KHAS

DISEDIAKAN OLEH :



ANDI ARNAISAH BINTI ANDI ARNIS

(148634)

NAMA PENSYARAH :

DR. NORAINI BINTI ABDULLAH

PENDAHULUAN :

Penilaian merupakan perihal atau perbuatan menilai dan menaksir. Menurut Terry D Tenbrink penilaian adalah proses untuk mendapatkan maklumat pertimbangan yang seterusnya digunakan dalam membuat keputusan. Sciven (1967) merupakan salah seorang daripada pengasas penilaian telah menyatakan terdapat lebih kurang enam puluh definisi yang berkaitan dengan penilaian. Menurut beliau lagi penggunaan berbagai maksud penilaian bukan sahaja menyebabkan kepentingan proses penilaian di perolehi tetapi juga menyebabkan pelbagai bidang baru berkaitan dengan bidang penilaian ditemui. Dengan penemuan baru ini ia menyemarakkan lagi perkembangan dalam bidang penilaian. Penilaian juga merupakan sesuatu yang penting dan tidak asing lagi terutamanya bagi guru-guru yang mendidik pelajar di sekolah. Tujuan penilaian dijalankan adalah untuk mengesan pencapaian murid, mengenalpasti jenis murid, mengetahui perkembangan mereka dan juga untuk mengesan sama ada hasil pembelajaran telah dikuasai atau belum.

Menurut Sekuler dan Blake (1994), pengamatan merangkumi penterjemahan urutan peristiwa-peristiwa secara berterusan dari dunia fizikal luar penerima kepada corak aktiviti yang terdapat di dalam sistem saraf penerima, kemudiannya berakhir dengan pengalaman dan gerak balasnya terhadap peristiwa tersebut. Oleh itu, bagi memahami proses pengamatan, seseorang itu hendaklah mengetahui komponen-komponen yang terkandung di dalam urutan peristiwa-peristiwa yang berkaitan dan cara komponen itu berinteraksi. Manakala, Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1989), pengamatan bermaksud pengawasan atau penelitian. Oleh itu, di sini kita dapat simpulkan bahawa pengamatan adalah proses mengetahui objek-objek dan peristiwa-peristiwa yang objektif melalui kederiaan. Pengamatan juga mempunyai ciri-ciri tersendiri dan corak-corak tertentu yang perlu dikenal pasti daripada aliran rangsangan.

Kanak-kanak khas adalah sebahagian daripada mereka yang tergolong dalam kumpulan orang kurang upaya (OKU), iaitu seseorang yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuhnya, atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu, dan tidak dapat hidup bermasyarakat sama ada dari segi fizikal, atau mental, dan berlaku sama ada sejak dilahirkan, ataupun sesudah itu. Kanak-kanak berkeperluan khas sering dipinggirkan khususnya dari aspek potensi akademik, termasuk ditempatkan di sekolah pendidikan khas sedangkan mereka layak belajar dalam sistem pendidikan seperti golongan normal. Mereka memerlukan bimbingan dan sokongan daripada semua pihak untuk membantu mereka dalam segala aspek kehidupan. Keupayaan mereka untuk bisa menguruskan diri sendiri dan berdikari dikira sebagai satu pencapaian yang cukup memberangsangkan. Guru juga mengajar mereka dengan pelbagai kaedah pengajaran.

JENIS-JENIS PENGAMATAN

Proses pengamatan membolehkan kita memahami apa yang sedang berlaku di persekitaran. Banyak pihak yang tersalah anggap tentang pengamatan. Pengamatan kepada mereka hanya melibatkan 'apa yang dapat dilihat dengan mata'. Sedangkan sebenarnya pengamatan melibatkan keseluruhan pancaindera manusia. Terdapat tiga jenis pengamatan iaitu pengamatan penglihatan, pengamatan pendengaran dan pengamatan kinestetik.

Penerimaan penglihatan dikaitkan dengan kebolehan memahami tanda-tanda yang seseorang itu melihat. Sesetengah kanak-kanak sukar untuk mentafsir atau menterjemahkan simbol-simbol yang dilihat. Pemulihan dijalankan untuk menolong kanak-kanak memahami simbol-simbol, pergerakan badan, isyarat-isyarat, gambar-gambar, dan lukisan supaya ia dapat menceritakan makna objek-objek itu. Pengamatan penglihatan dikaitkan dengan kebolehan mengasingkan secara visual akan persamaan dan perbezaan yang ada pada objek-objek, bentuk-bentuk, gambar-gambar, huruf-huruf, dan perkataan. Kanak-kanak ini juga perlu membezakan antara huruf "m" dan "n" dan juga antara perkataan "lori" dan "lari". Hal ini bagi memastikan mereka benar-benar faham. Terdapat banyak aktiviti yang boleh dijalankan oleh guru untuk melihat pengamatan penglihatan anak-anak murid mereka seperti Mencari gambar, bentuk, huruf, dan simbol yang tidak sama, perbezaan dan persamaan objek seperti meja, kerusi, papan hitam, dan sebagainya. Memadankan huruf-huruf dengan perkataan serta menangkap corak-corak, bentuk-bentuk dan huruf-huruf.

Manakala, Pengamatan pendengaran pula melibatkan deria pendengaran iaitu telinga. Sama seperti pengamatan penglihatan, pengamatan pendengaran juga disebabkan oleh input deria yang hanya mampu disimpan dalam jangka masa yang pendek sahaja. Hal ini demikian mungkin disebabkan oleh masalah-masalah deria yang dialami mereka. Oleh itu, Darwin, Turvey dan Crowder (1972) telah melakukan satu eksperimen yang hampir sama seperti eksperimen Sperling. Dimana mereka memperdengarkan tiga set nombor dan dari arah yang berbeza iaitu kiri, kanan dan depan kepada beberapa individu yang dikaji. Diakhir eksperimen mereka, mereka mendapati bahawa, pendengaran dipengaruhi oleh masa set nombor diperdengarkan. Semakin lama diperdengarkan, individu semakin mengingati apa yang didengar. Masalah pengamatan pendengaran juga berlaku apabila murid tidak boleh mengenali arah bunyi sama ada jauh atau dekat. Contohnya, bunyi suara orang lain atau suara benda seperti bunyi muzik yang tidak dapat dibezakan sama ada salam jarak dekat atau jauh.

Jenis pengamatan yang terakhir adalah pengamatan kinestetik atau lebih dikenali sebagai pengamatan sensori-motor. Pengamatan ini melibatkan lebih dari satu deria. Iaitu, deria rasa, bau dan sentuhan. Model Prototaip adalah model yang telah diperkenalkan bagi menerangkan pengamatan ini. Model ini adalah menjelaskan individu atau memberi simbol

kepada apa yang dilihat agar dikemudian hari, mudah untuk diingat walaupun mungkin akan terdapat perubahan pada apa yang dilihat dikemudian hari. Contohnya, kita mengenali pelbagai jenis rumah walaupun berbeza bentuk, rupa, warna dan ruang kerana kita mempunyai ciri-ciri atau prototaip rumah di dalam minda kita yang sedia ada. Jadi sudah pasti kita dapat mengenal pasti jenis rumah yang kita lihat walau pada hari yang berlainan. Murid-murid yang menghadapi masalah pengamatan kinestetik ini juga akan mengalami masalah menggerakkan badan secara automatik. Sebagai contohnya, murid-bekeperluan khas tidak dapat melakukan pergerakan tubuh dengan baik iaitu aktiviti seperti berlari, melompat dan menari seperti murid-ketidakupayaan pelbagai yang mengalami kesukaran dalam menggerakkan anggota badan. Reed (1972) telah menjalankan satu kajian menggunakan beberapa simbol muka. Simbol-simbol muka berbeza dari aspek kedudukan mulut dan bentuk muka. Dua set simbol-simbol muka itu diperlihatkan kepada beberapa peserta. Kemudian satu lagi set simbol muka itu diperlihatkan. Peserta dikehendaki mengenal-pasti sama ada set simbol muka yang ketiga itu termasuk dalam kategori set simbol muka pertama atau kedua. Reed mendapati bahawa strategi yang sering digunakan oleh para peserta ialah mengeluarkan satu prototaip dan membandingkannya dengan menekankan ciri-ciri yang paling berbeza di antara dua kategori tersebut. Secara amnya, Model Prototaip menjelaskan tentang bagaimana objek dapat dikenali di sebalik kepelbagaian perwakilan yang digunakan oleh objek yang sama bentuk seperti perbezaan warna dan orientasi bentuk tersebut.

CIRI-CIRI KANAK-KANAK KHAS YANG MEMILIKI MASALAH PENGAMATAN

Salah satu ciri kanak-khas yang memiliki masalah pengamatan adalah kesukaran untuk mengaitkan pengalaman dengan situasi yang baru. Kita sedia maklum bahawa pengamatan merupakan proses penterjemahan urutan peristiwa-peristiwa secara berterusan. Oleh itu, murid-khas yang mudah lupa dan daya ingatan lemah sudah pasti sukar untuk mengingat kembali pengalaman mereka. Sebagai contohnya, kanak-kanak-khas yang mengalami masalah disleksia mudah untuk lupa huruf dan nombor walaupun baru diajarkan kepada mereka. Mereka sukar untuk ingat perkara-perkara yang dibaca, serta tempat-tempat yang pernah mereka pergi.

Selain itu, ciri-cirinya adalah mereka lambat dalam menyelesaikan kerja yang diberikan. Kita maklum bahawa kanak-kanak-khas juga memiliki masalah dalam perkembangan motor kasar dan motor halus. Oleh itu, sekiranya mereka diberikan kerja contohnya aktiviti menulis, sudah pasti kerja tersebut tidak dapat disiapkan dalam masa yang singkat. Mereka tidak sama seperti kanak-kanak-lain yang tidak memiliki masalah dalam mengawal pergerakan. Masalah ini kerap terjadi kepada kanak-kanak yang mengalami masalah cerebral palsy, mereka tidak mampu untuk menyiapkan kerja dengan cepat dan

sempurna. Mereka memerlukan bimbingan untuk memegang pensil dengan betul dan sebagainya.

Kanak-kanak khas ini juga sukar memahami peraturan dalam permainan. Hal ini demikian kerana, mereka sering terlibat dan mengalami masalah tingkah laku atau emosi. Mereka tidak dapat mengawal emosi dan tingkah laku mereka. Perkara ini sering berlaku bagi kanak-kanak ADHD dan Autisme. Dimana mereka sering mengalami tantrum atau gangguan emosi apabila kehendak mereka tidak dituruti. Ini menunjukkan pengamatan mereka tidak sempurna. Oleh itu, kanak-kanak khas ini tidak boleh mengikuti sesuatu aktiviti atau permainan yang mempunyai undang-undang atau peraturan yang ketat.

Kanak-kanak khas juga sudah pasti mengalami masalah dalam pendengaran. Mereka tidak dapat mendengar arahan dengan jelas. Deria pendengaran mereka terganggu lebih-lebih lagi sekiranya mereka sememangnya pelajar yang bermasalah dalam pendengaran. Kekuatan suara yang mereka dengar adalah berbeza, Mereka tidak dapat membezakan suara yang dari jarak jauh dan jarak dekat.

Akhir sekali, masalah pengamatan penglihatan dalam menyalin sesuatu tugas atau nota. Mereka mempunyai ketidakbolehan menyalin sesuatu bentuk, huruf, nombor, perkataan dan lain-lain. Murid khas tidak dapat menyalin ayat kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam proses pembelajaran. Oleh itu, mereka tidak dapat membezakan ayat yang diamati dan ditulis. Mereka sukar membezakan huruf-huruf yang hampir sama seperti "m" dan "n" serta "b" dan "d". Perkataan seperti "lari" dan "lori" juga sukar untuk mereka bezakan.

Kesemua ciri-ciri ini mereka hadapi yang menyebabkan mereka bermasalah dalam proses pengamatan. Pengamatan seorang kanak-kanak khas amat lemah jika dibandingkan dengan kanak normal yang lain. Kanak-kanak ini juga tidak semestinya menghadapi satu masalah pengamatan sahaja, tetapi juga boleh mengalami banyak masalah pengamatan disebabkan masalah yang dihadapi saling berhubungkait. Oleh itu,

PENILAIAN YANG DIGUNAKAN UNTUK MENILAI DARI ASPEK PENGAMATAN KANAK-KANAK KHAS.(INSTRUMENT)

Ujian Berry VMI

Ujian berry VMI atau lebih dikenali sebagai Beery-Buktenica Developmental Test of Visual-Motor Intergration (2004) Merupakan ujian koordinasi visual-motor. Ujian ini digunakan dalam pembelajaran, neuropsikologi dan masalah tingkah laku. Ujian ini juga membantu dalam menilai bagaimana seseorang memperluaskan penggunaan kebolehan visual dan motor. Integrasi visual-motor adalah sejauh mana persepsi visual dan pergerakan tangan-jari diselaraskan dengan baik. Ujian kertas dan pensil ini melibatkan pemeriksa menyalin reka bentuk yang semakin kompleks. Ia dirancang untuk menilai integrasi visual-motor, persepsi visual, dan kemahiran koordinasi motor dan dirancang untuk menunjukkan keperluan perkhidmatan sokongan untuk masalah di satu atau lebih bidang ini. Beery VMI merangkumi ujian format ringkas dan penuh serta ujian persepsi visual dan penyelarasan Motor tambahan. Tidak ada ujian Beery VMI yang diberi masa. Ujian format ringkas dan penuh melibatkan pemeriksa menyalin reka bentuk yang semakin kompleks dengan pensil. Ujian ini dilakukan kepada individu yang berumur 2 tahun hingga dewasa. Kekurangan dalam proses motorik, persepsi, spatial, dan konstruktif dikaitkan dengan sejumlah gangguan otak yang diperoleh dan neurodevelopmental.

Oleh itu, guru digalakkan untuk menggunakan ujian Beery bagi meningkatkan keupayaan motor seorang murid. Ujian berry sangat membantu dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Guru dapat menilai murid sama ada prestasi mereka meningkat ataupun tidak. Ujian berry ini juga merupakan ujian yang dirancang untuk menilai integrasi visual-motor dan kemahiran koordinasi motor untuk menunjukkan keperluan perkhidmatan sokongan dalam menangani masalah koordinasi motor.

Alat Bantu Mengajar (Smart Cot)

Selain itu, guru juga boleh mengaplikasikan proses pengajaran dan pemudahcaraan (PDPC) menggunakan alat bantu mengajar (ABM) yang berkesan, pratikal, kreatif dan berinovasi dapat menjana pelbagai maklumat yang berguna dan meningkatkan lagi pengetahuan dalam menghasilkan pelbagai alat bantu mengajar yang sesuai dan menarik serta dapat menjana idea yang bernas untuk menentukan aktiviti yang lebih kreatif didalam proses pengajaran dan pemudahcaraan didalam kelas. Penggunaan ABM dalam proses PDPC menjadikan ABM Smart Cot sebagai pemudahcara dalam menyampaikan ilmu kemahiran kepada murid berkeperluan khas kerana mereka perlu melihat terlebih dahulu contoh yang dilakukan oleh guru. Kemudian, murid mengulang semula apa yang telah diajar oleh guru dengan bimbingan dan pemantauan sepenuhnya oleh guru. Kaedah ini sangat

berkesan dan dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif kerana murid dapat belajar dengan menggunakan alat sebenar yang boleh dilihat dan disentuh oleh murid.

ABM Smart Cot ini bertujuan bagi memudahkan murid memahami isi pengajaran dengan cara lebih mudah dan efektif. Secara keseluruhannya, ABM Smart Cot ini dapat meningkatkan rasa ingin tahu murid sehingga menarik minat murid terhadap pengajaran guru. Kelebihan ABM Smart Cot ini pula dapat membantu guru menjimatkan masa dalam penyampaian isi pembelajaran serta ABM Smart Cot dilengkapi bahan dan peralatan yang diperlukan dalam satu set. Dengan adanya Smart Cot ini murid dapat membuat kerja dengan lebih baik, melatih motor kasar dan motor halus mereka, serta dapat menjadikan murid seorang yang kreatif dalam menghasilkan sesuatu. Guru dapat menilai murid dengan hasil kerja pada akhirnya. Dengan ini, guru boleh tahu sejauh mana kefahaman murid-muridnya.

Senarai Semak Disleksia (ISD).

Instrument seterusnya yang boleh digunakan adalah senarai semak disleksia (ISD). Hal ini kerana, senarai semak ini dapat membantu menilai masalah pengamatan yang dihadapi oleh murid. Dengan adanya senarai semak, guru dapat mengetahui samada murid tersebut mengalami masalah dalam pembelajaran atau tidak. Sebagai contohnya, guru dapat menilai daripada ucapan murid yang sering kali menyebut perkataan yang dibaca dengan tidak betul, murid menyalin semula nota, murid tidak upaya menulis menggunakan pensil dan banyak lagi. Hal ini dapat menilai penguasaan motor halus dan motor kasar kanak-kanak khas ini lebih-lebih lagi yang menghadapi disleksia. Guru akan membuat pemerhatian bagi menilai murid.

Pendidikan Multi Sensori

Menurut kamus dewan, multi bermaksud pelbagai dan sensori bermaksud deria. Teknik multisensoiri merupakan salah satu teknik pengajaran yang melibatkan pelbagai deria kanak-kanak seperti visual (penglihatan), audio (pendengaran), kinestetik (pergerakan) dan testile (sentuhan). Teknik multisensori ini merupakan salah satu teknik pengajaran yang dapat meningkatkan daya sensori kanak-kanak. Ini adalah kerana pengajaran dengan menggunakan teknik multisensori dapat merangsang penggunaan deria kanak-kanak seperti deria penglihatan, deria rasa, deria pendengaran, deria sentuh secara tidak langsung dapat membantu otak kanak-kanak untuk memahami dan menterjemahkan perkara yang dipelajari dalam bentuk yang lebih konkrit.

Terdapat enam aspek dalam pengajaran menggunakan kaedah multisensori iaitu kesedaran fonologi, gabungan bunyi dan simbol, pembinaan suku kata, morfologi, sintaksis dan semantik. Teknik multisensori semasa mengajar kanak-kanak khas bukan sahaja

menggunakan pelbagai deria malahan menjadikan pembelajaran bertambah seronok dan bermain selain mengurangkan tekanan kanak-kanak. Kanak-kanak prasekolah juga tidak akan berasa bosan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Teknik ini amat digalakkan untuk diajarkan kepada kanak-kanak khas agar mereka dapat membuat kerja dengan pelbagai kaedah dan baik. Dengan aspek yang digunakan dalam kaedah ini menjadikan kaedah ini lebih banyak membawa manfaat kepada guru dan murid. Kaedah ini boleh meningkatkan kualiti pembelajaran. Guru dapat menilai murid dengan aspek yang dikaji. Sebagai contohnya, murid yang bermasalah dalam melakukan tugas dengan cepat dapat diajarkan menggunakan kaedah ini agar lebih berusaha untuk menyiapkan tugasan.

PENUTUP :

Secara keseluruhannya, pengamatan dalam kalangan kanak-kanak khas perlulah sentiasa diperhatikan. Hal ini bagi mengelakkan mereka menghadapi sebarang masalah dalam pengamatan mereka kerana jika masalah pengamatan ini berterusan maka banyak perkara yang tidak dapat mereka lakukan. Mereka akan ketinggalan dalam pembelajaran dan sukar untuk menerima arahan daripada guru atau ibu bapa. 3 jenis pengamatan iaitu pengamatan pendengaran, pengamatan penglihatan dan pengamatan sensori motor. Pelbagai kaedah pengajaran boleh dilaksanakan oleh guru bagi memastikan murid sentiasa mengikuti pengajaran dan pembelajaran dengan baik.

Untuk memperolehi pengamatan yang betul dan mencukupi, pelajar mestilah diberi pengalaman pertama dalam seberapa banyak situasi belajar yang boleh. Lawatan ke sekolah, kilang perindustrian, lombong arang batu, landasan keretapi, loji pembersihan air dan sebagainya untuk memperkayakan pengetahuan sedia ada pelajar. Semua pengalaman baru ini berguna dan membantu dalam pembelajaran pengamatan. Mendedahkan pelajar pada rangsangan luaran dalam persekitaran melalui objek sebenar atau alat pandangan dan pendengaran tidaklah mencukupi. Pelajar selalunya perlu dibantu untuk mengetahui apa yang patut dilihat. Guru membimbing pemerhatian supaya pengamatan pelajar menjadi tepat dan lengkap. Dengan ini, pelajar dapat bertindak balas dengan cergas kepada rangsangan deria 10 supaya dapat meneruskan proses mental yang lebih tinggi. Guru perlu merangsang pelajar ke arah satu corak sintesis pengamatan yang berguna. Semua pihak perlu bekerjasama bagi memastikan anak-anak khas ini sentiasa berkembang dalam semua aspek kehidupan.

RUJUKAN :

Daros, M. M., Nordin, M. S., & Saud, M. S. (2012). Pelajar Berkeperluan Khas dan Bermasalah Pembelajaran Dari Sekolah Ke Kerjaya. *Journal of Social Science*, 5(1),

Ghani, M. Z., & Ahmad, A. C. (2011). Pengantar Pendidikan Khas. Pulau Pinang: Penerbit USM

Salvia, J., Ysseldyke, J.E., & Bolt, S. (2010). *Assessment in special and inclusive education* (11th ed). Belmont CA: Wadsworth.

Beery, K. E., & Beery, N. A. (2004). The Beery-Buktenica Developmental Test of Visual-Motor Integration: Administration, scoring, and teaching manual (5th ed.). Minneapolis, MN: NCS Pearson

Azman, M. N. A., & Mustapha, R. (2014). Pendidikan Teknikal dan Vokasional: Pendekatan Penyelidikan, Analisis dan Interpretasi. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.